

20 FEB 1997

Pelaburan-Filipina (Dengan gambar)
TABUNG HAJI PELABUR ASING PERTAMA DI MINDANAO

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Satu usahasama ladang kelapa sawit antara Lembaga Tabung Haji Malaysia (LTH) dan sebuah syarikat Filipina di Mindanao di Selatan Filipina telah dialu-alukan sebagai pelaburan asing yang pertama di wilayah majoriti Islam itu.

Projek 30,000-hektar itu antara LTH dan Janoub Phillipines Development Corporation juga mempunyai satu kepentingan lain -- ia bertempat di Lanao Delsur yang disifatkan sebagai wilayah paling termiskin di negara itu, kawasan paling terpencil Filipina.

Pengerusi dan ketua eksekutif syarikat usahasama itu, Tabung Haji Janoub Philippines Plantation Inc., Datu Haji Abul Khayr Alonto, memberitahu Bernama di sini hari ini Tabung Haji menjanjikan peruntukkan sejumlah RM64 juta bagi peringkat permulaan pembangunan melibatkan 5,500 ha.

"Kawasan tanah itu telahpun dibersihkan dan kami dalam proses menanam semaian untuk ladang itu," kata Abul Khayr, yang menghadiri mesyuarat lembaga pengarah syarikat itu di sini semalam.

Katanya projek itu sungguh signifikan kerana buat pertama kali sejak penubuhan Republik Filipina, pelaburan asing mula bertapak di Mindanao Islam.

"Sebelum ini, bukan sahaja terdapat pelaburan asing sifar di Mindanao Islam tetapi juga pelaburan domestik sifar dari syarikat-syarikat besar di Manila ke kawasan kami ini," kata Abul Khayr yang juga pengerusi Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Filipina.

Kata beliau pujian atas kejayaan pelaburan yang diterokai oleh Tabung Haji ini perlu diberi kepada Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Filipina Fidel Ramos, kerana kedua-duanya telah mengambil minat peribadi memastikan pembangunan di wilayah yang lama terbiar itu.

Menurutnya, adalah menjadi hasrat Dr Mahathir akhirnya untuk membangunkan 300,000 ha untuk perladangan kelapa sawit di Mindanao dengan pelaburan dan rancangan ini telah mendapat sokongan penuh Presiden Ramos.

"Kawasan-kawasan untuk perladangan ini telah dikenal pasti sementara prospek bagi pelaburan Malaysia di sektor-sektor lain di wilayah yang kaya dengan sumber ini adalah banyak," katanya.

Katanya faktor utama bagi kejayaan mana-mana pelaburan asing di Mindanao ialah penyertaan secara langsung rakyat tempatan sebagaimana yang dilakukan melalui usaha Tabung Haji ini.

"Usahawan kecil dan besar Mindanao akan terlibat secara langsung dengan projek usahasama ini. Sebelum ini tidak ada langsung peluang seperti ini kerana perniagaan di wilayah ini dikuasai oleh syarikat-syarikat besar yang berpangkalan di Manila," katanya.

Abul Khayr juga berkata bagi lima tahun akan datang, pelaburan berjumlah kira-kira RM4 bilion dijangka akan dicurahkan di Mindanao, terutamanya dari Malaysia dan negara-negara Timur Tengah.

Pelaburann-pelaburan itu adalah hasil daripada perjanjian damai tahun lepas yang mengakhiri persengketaan bersenjata di Selatan Filipina yang berterusan selama lebih 20 tahun.

Katanya pembangunan ekonomi di wilayah miskin itu penting bagi memastikan kejayaan perjanjian damai itu dan rakyat di situ mengharapkan pelabur Malaysia dapat memainkan peranan membolehkan mereka menikmati hasilnya. -- BERNAMA

AU WAT